



PEKELILING KEMASUKAN

KE UNIVERSITI AWAM

SESI AKADEMIK 2021/ 2022

**Program Pengajian Lulusan STPM/ Setaraf
STPM, Matrikulasi KPM, Asasi Sains UM,
ASASipintar UKM, Asasi UiTM & STAM**



Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA

Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 4, No. 2 Menara 2,
Jalan P5/6 Presint 5,
62200 W.P. Putrajaya

ISI KANDUNGAN

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN	3
Program Pengajian di UiTM	3
2. SYARAT KEMASUKAN	4
Syarat Am Kemasukan.....	4
Syarat Khas Kemasukan	5
3. PERMOHONAN	6
Kategori Permohonan	7
Fasa Permohonan.....	7
Fasa Pengemaskinian.....	9
Slip Permohonan.....	9
Lupa Kata Laluan	10
4. PEMROSESAN DAN PEMILIHAN	10
Penentuan Aliran STPM.....	10
Dasar & Kriteria Pemilihan	11
Markah Kokurikulum.....	11
Pengiraan Markah Merit	12
Proses Pemilihan Jaya.....	15
5. HEBAHAN	16
Surat Tawaran.....	17
6. RAYUAN	17
7. TARIKH-TARIKH PENTING	18
LAMPIRAN A	19

**DASAR DAN PROSEDUR KEMASUKAN KE
PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA DI UNIVERSITI AWAM
BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF**
(Kategori STPM, Matrikulasi KPM, Asasi Sains UM,
ASASlpintar UKM, Asasi UiTM dan STAM)
Sesi Akademik 2021/2022

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN

- 1.1 BKPA JPT menyelaras **permohonan**, **pemprosesan** dan **pemilihan** kemasukan ke Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf di **20 buah Universiti Awam (UA)** bagi **Ambilan Oktober** sahaja seperti berikut :-

20 Universiti Awam (UA)

1. **Universiti Malaya (UM)**
2. **Universiti Sains Malaysia (USM)**
3. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
4. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
5. **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
6. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
7. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
8. **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
9. **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
10. **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
11. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
12. **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
13. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
14. **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
15. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
16. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
17. **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
18. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
19. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
20. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

Program Pengajian di UiTM

- 1.2 Program pengajian di UiTM hanya terbuka kepada **calon berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak** dan **Orang Asli Semenanjung** sahaja.
- 1.3 Semua program pengajian di UA lain (selain UiTM) terbuka kepada semua.

2. SYARAT KEMASUKAN

- 2.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh UA bagi Sesi Akademik 2021/2022 boleh didapati dalam UPUWeb dengan melayari pautan URL seperti berikut:-

<https://upu.mohe.gov.my/>

- 2.2 Calon boleh mendapatkan maklumat berkenaan dengan **Syarat Am dan Syarat Khas** program pengajian yang telah ditetapkan serta maklumat laluan kerjaya yang disediakan.
- 2.3 Terbuka kepada **Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap dan Pemastautin Sementara** yang mempunyai Kad Pengenalan. Calon yang mempunyai MyPR dan MyKAS akan diproses tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan kategori bukan warganegara.

Syarat Am Kemasukan

- 2.4 Kategori STPM/ Matrikulasi KPM/ Asasi Sains UM/ ASASIpintar UKM/ Asasi UiTM/ STAM

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013**. Kejujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu **kertas Julai diambil kira**;

DAN

SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM)

Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dengan Gred C dalam **3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am**;

ATAU

MATRIKULASI / ASASI

Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00**;

ATAU

SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

Syarat Khas Kemasukan

- 2.5 Calon perlu memenuhi syarat-syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM** Permohonan Kemasukan ke UA bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf.

3. PERMOHONAN

- 3.1 Fasa Permohonan akan **dibuka** mulai **04 Januari jam 12:00 tengah hari hingga 31 Mac 2021 jam 05:00 petang**.
- 3.2 Fasa Pengemaskinian akan **dibuka** mulai **09 Ogos hingga 12 Ogos 2021**.
- 3.3 Calon Lulusan STPM/Setaraf diwajibkan untuk mengemukakan permohonan kemasukan ke Universiti Awam melalui Sistem UPUOnline di <http://upu.mohe.gov.my>.
- 3.4 Calon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan calon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program pengajian.



Kategori Permohonan

- 3.5 Permohonan kemasukan ke Universiti Awam bagi **Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2021/2022** dibuka untuk kategori berikut:-

Kategori A	Kategori S	Kategori T
Aliran Sastera Lulusan STPM 2020	Aliran Sains Lulusan STPM 2020	Lulusan STAM 2019 dan STAM 2020

Kategori N	Kategori P	Kategori U
Aliran Sains Matrikulasi KPM/ Asasi Sains UM/ ASASipintar UKM/ Asasi UiTM	Aliran Perakaunan Matrikulasi KPM	Aliran Undang- Undang Asasi UiTM

Kategori K	Kategori L	Kategori J
Aliran Kejuruteraan Asasi UiTM	Aliran TESL Asasi UiTM	Aliran Teknikal Matrikulasi KPM

Fasa Permohonan

- 3.6 Calon dikehendaki **Daftar Kali Pertama** bagi mengakses UPUOnline untuk permohonan kemasukan ke UA.
- 3.7 Calon wajib memasukkan **enam (6) item** berikut untuk membuat **Daftar Kali Pertama**:-
- No Kad Pengenalan
 - Alamat E-mel
 - Nama Ibu
 - Kata Laluan
 - Kod Keselamatan
 - Soalan Keselamatan Profil Akaun

- 3.8 Calon wajib memasukkan **tiga (3) item** berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama:-
- a) No. Kad Pengenalan semasa pendaftaran peperiksaan
 - b) Lulusan
 - c) Kategori
- 3.9 Sekiranya calon telah mendaftar, calon boleh log masuk dengan hanya menggunakan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah dimasukkan semasa Daftar Kali Pertama dibuat.
- 3.10 Terdapat **12 pilihan program pengajian**. Calon **wajib** memilih **enam (6) pilihan program pengajian** yang **berbeza**. Jika calon berminat dengan program pengajian bertemu duga dan/atau ujian, calon boleh mengemukakan pilihan pada **Pilihan 1 hingga 4 sahaja**. Bagi **program pengajian bertemu duga (Pendidikan)** pula hanya pada **Pilihan 1 hingga 2** sahaja.
- 3.11 Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah program pengajian yang **melepassi Syarat Khas** sahaja seperti berikut:
- a) Calon kategori STPM menggunakan keputusan gred terbaik mata pelajaran dan PNGK terbaik sehingga Semester 2 2020.
 - b) Calon kategori Matrikulasi/Asasi menggunakan keputusan PNGK Semester 1 2020/2021.
 - c) Calon kategori STAM menggunakan keputusan percubaan STAM 2020 (sekiranya ada) dan keputusan STAM 2019.
- 3.12 Pilihan program pengajian bagi calon kategori STPM/ Matrikulasi/ Asasi dan STAM dibuka dalam UPUOnline pada **tarikh seperti berikut**:

Kategori	Tarikh
STPM, Asasi & STAM	16 – 31 Mac 2021
Matrikulasi	23 – 31 Mac 2021

- 3.13 Calon **hanya boleh memilih pilihan program pengajian yang dibuka oleh UA mengikut kategori** yang telah ditetapkan oleh UA.
- 3.14 Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian** dalam UPUOnline.

- 3.15 Maklumat penting yang wajib diisi oleh calon ditandakan dengan tanda (*) dalam borang sistem permohonan kemasukan pelajar. Manakala tanda (**) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.
- 3.16 Calon wajib klik butang “**Simpan**” bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. **Slip Permohonan UPUOnline** yang dicetak, boleh dijadikan bukti bahawa calon telah berjaya mengemukakan permohonan.
- 3.17 Notifikasi akan dipaparkan jika calon keluar daripada Sistem UPUOnline tanpa menekan butang “**Simpan**”.

Fasa Pengemaskinian

- 3.18 Calon kategori STPM, Matrikulasi/Asasi dan STAM boleh mengemaskini pilihan program pengajian yang melepasi Syarat Khas berdasarkan keputusan sebenar peperiksaan STPM 2020/ peperiksaan semester akhir Matrikulasi/Asasi 2020/2021/ peperiksaan STAM 2020.
- 3.19 Program pengajian bertemu duga dan/atau ujian yang dipilih semasa Fasa Permohonan perlu dikemaskini kepada program pengajian lain sekiranya calon tidak melepasi Syarat Khas program pengajian semasa **Fasa Pengemaskinian**.

Slip Permohonan

- 3.20 Setelah klik butang “**Saya Setuju**” dalam halaman terakhir UPUOnline, pernyataan “**Terima Kasih! Permohonan Anda Telah Diterima Oleh Sistem**”.
- 3.21 Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak dan dimuat turun melalui pautan “**Cetak Slip**” dan “**Muat Turun Slip**”. Sekiranya calon berjaya mengemukakan permohonan, laman ini akan memaparkan Slip Permohonan UPUOnline dengan maklumat seperti berikut:
 - i. Tarikh dan Masa Permohonan
 - ii. No. Rujukan Permohonan
 - iii. Nama, No. KP dan Kategori Calon
 - iv. Pilihan Program Pengajian
 - v. Tarikh kemaskini pilihan program pengajian
 - vi. Tarikh-tarikh penting hebahan dan panggilan temu duga dan/atau ujian
 - vii. Tarikh Fasa Pengemaskinian

Lupa Kata Laluan

- 3.22 Sekiranya calon **Lupa Kata Laluan** yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, calon boleh mendapatkan **Kata Laluan** dengan klik pautan '**Lupa Kata Laluan**'. Calon perlu menjawab beberapa soalan keselamatan sebelum kata laluan dipaparkan kepada calon.

4. PEMROSESAN DAN PEMILIHAN

- 4.1 Calon yang telah memilih program pengajian bertemu duga dan/atau ujian (program pengajian yang mempunyai tanda #) akan diproses dan dihantar kepada UA untuk pemilihan. Calon akan dipanggil untuk menghadiri temu duga dan/atau ujian pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh UA.
- 4.2 **Surat panggilan temu duga dan/atau ujian akan dikeluarkan oleh UA** melalui laman sesawang masing-masing. Alamat URL UA yang terlibat akan turut dipaparkan di laman sesawang <http://upu.mohe.gov.my>.

Penentuan Aliran STPM

4.3 Aliran Sains

Penentuan aliran bagi calon STPM Sains ialah dengan mengambil **mana-mana dua (2) subjek berikut di peringkat STPM:-**

- *Mathematic M*
- *Mathematic T*
- *Further Mathematic*
- *Physics*
- *Chemistry*
- *Biology*
- *Information and Communication Technology (ICT)*
- Sains Sukan

4.4 Aliran Sastera

Calon yang tidak memenuhi komponen Aliran Sains secara automatik dimasukkan ke Aliran Sastera.

Dasar & Kriteria Pemilihan

- 4.5 Dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai **90% markah akademik** dan **10% markah kokurikulum**.
- 4.6 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:-
- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM/Setaraf dan SPM;
 - b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
 - c) Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian yang dipohon;
 - d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
 - e) Memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh UA;
 - f) Telah mengambil MUET dengan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1);
 - g) Lulus temu duga dan/atau ujian bagi program bertemu duga dan/atau ujian;
 - h) Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan; dan
 - i) Bilangan tempat yang disediakan oleh UA.
- 4.7 Kriteria tambahan bagi Program Pengajian Pendidikan (ISMP):-
- a) Melempi tahap minimum Ujian MedSI.

Markah Kokurikulum

- 4.8 Markah kokurikulum 10% bagi calon sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan dibekalkan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian KPM kepada BKPA, JPT.
- 4.9 Markah kokurikulum 10% bagi pelajar Lulusan Matrikulasi KPM / Asasi UA akan diselaraskan oleh institusi masing-masing iaitu Bahagian Matrikulasi KPM, Pusat Asasi Sains UM (PASUM), Pusat GENIUS@Pintar dan Pusat Asasi UiTM.

4.10 Kaedah Pengiraan PNGK

a) Pengiraan PNGK STPM

- i. Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi tujuan pengiraan markah adalah seperti berikut:

GRED	NILAI GRED
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
F	0.00

- ii. PNGK akan dibekalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi tujuan pengiraan Markah Akademik.

b) **Pengiraan PNGK Matrikulasi/Asasi**

- i. Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi tujuan pengiraan markah adalah seperti berikut:

GRED	NILAI GRED
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
F	0.00

- ii. PNGK akan dibekalkan oleh Bahagian Matrikulasi KPM, Pusat Asasi Sains UM (PASUM), Pusat GENIUS@Pintar, UKM dan Pusat Asasi UiTM bagi tujuan pengiraan Markah Akademik.

c) **Pengiraan PNGK STAM**

- i. Nilai gred bagi STAM yang diguna pakai dalam pengiraan markah akademik adalah seperti berikut:

GRED	PANGKAT	PNGK
Mumtaz	1	4.00
Jayyid Jiddan	2	3.00
Jayyid	3	2.00
Makbul	4	1.00
Rasib	5	0.00

- ii. PNGK adalah berdasarkan pangkat STAM yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan bagi tujuan pengiraan Markah Akademik.

4.11 Kaedah Pengiraan **Markah Akademik**




4.12 Kaedah Pengiraan **Markah Merit**



4.13 Contoh pengiraan **Markah Merit** adalah seperti di **Lampiran A**.

Proses Pemilihan Jaya

- 4.14 Calon akan disusun mengikut *ranking* berdasarkan **Markah Merit yang paling tinggi hingga yang paling rendah**.
- 4.15 Proses pemilihan dilaksanakan secara berkomputer dengan pengesahan pemilihan oleh semua UA. Berikut adalah gambaran pemprosesan pemilihan:-



Merit	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12
000103												Jaya PIL. 12
	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12
SYARAT	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	✓	✓
KEKOSONGAN TEMPAT	✗	✓	✗	✗	✗	✓	✗	✓	✗	✗	✗	✓
UJIAN/ TEMU DUGA (JIKA ADA)	-	✗	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KEPUTUSAN	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓

***Calon yang mengisi 12 pilihan mempunyai peluang yang lebih tinggi**

5. HEBAHAN

- 5.1 BKPA JPT menggunakan laman sesawang/ pautan untuk memaklumkan **status permohonan** dan **keputusan permohonan kemasukan ke UA**.
- 5.2 Hebahan status keputusan permohonan bagi Lulusan STPM/Setaraf adalah melalui **saluran hebahan** seperti berikut:

Laman sesawang/ Pautan	https://jpt.utm.my http://jpt.uum.edu.my https://jpt.unimas.my http://jpt.ums.edu.my http://jpt.umt.edu.my
HOTLINE UPU	03-8870 8200
Aplikasi Mobile	UPUPocket

- 5.3 Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan boleh hubungi BKPA JPT di alamat dan talian seperti berikut:-

Alamat	Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Aras 4, No. 2 Menara 2 Jalan P5/6, Presint 5 62200 W.P. Putrajaya
Talian HOTLINE	(03) 8870 8200
Laman sesawang	http://upu.mohe.gov.my
Laman sosial rasmi:	Facebook : Kemasukan BPKP JPT Instagram : @kemasukanbkpa

Surat Tawaran

- 5.4 Calon hanya akan ditawarkan program pengajian dalam pilihan sahaja (Pilihan 1-12). Sekiranya calon gagal ditawarkan, calon boleh mengemukakan rayuan melalui UPUOnline dengan memilih program pengajian yang layak dan mempunyai kekosongan tempat sahaja.
- 5.5 Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh UA mulai **sehari (1) selepas keputusan permohonan diumumkan** melalui laman sesawang UA masing- masing.
- 5.6 UA akan **mengeluarkan surat tawaran rasmi** beserta dengan terma dan syarat-syarat sebelum calon membuat pengesahan setuju terima tawaran tersebut.
- 5.7 Calon yang mendapat tawaran, menolak tawaran atau tidak membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas hebahan keputusan maka **tidak akan dipertimbangkan untuk proses rayuan**.
- 5.8 Calon yang **tidak menjawab** atau **menjawab terima atau tolak selepas tempoh ditetapkan** akan dikemaskini secara automatik sebagai menolak tawaran.
- 5.9 **Tawaran adalah muktamad.**

6. RAYUAN

- 6.1 Hanya calon yang **GAGAL** mendapat tawaran ke UA sahaja yang boleh mengemukakan permohonan rayuan dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan kemasukan ke UA diumumkan.
- 6.2 Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah **program pengajian yang mempunyai kekosongan sahaja**.
- 6.3 Calon dibenarkan untuk membuat **EMPAT (4) pilihan program pengajian** semasa mengemukakan permohonan rayuan. Calon boleh membuat pengemaskinian rayuan tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan rayuan.

7. TARIKH-TARIKH PENTING

- 7.1 Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke UA bagi **Program Pengajian Lulusan STPM/ Setaraf Sesi Akademik 2021/2022**:-

PERKARA	TARIKH
Permohonan UPUOnline	04 Januari – 31 Mac 2021
Semakan Panggilan Temu Duga (Bukan Pendidikan) dan Ujian MEdSI	24 Mei 2021
Semakan Panggilan Temu Duga (Pendidikan)	01 Julai 2021
Sistem UPUOnline Fasa Pengemaskinian (Kemas kini pilihan program pengajian)	09 – 12 Ogos 2021
Hebahan Keputusan	Minggu ke-3 September 2021
Permohonan Rayuan	Minggu ke-3 September 2021 (Tempoh permohonan 10 hari)
Hebahan keputusan rayuan	Minggu ke-4 Oktober 2021

****Tertakluk kepada perubahan***

CONTOH PENGIRAAN MARKAH AKADEMIK, MARKAH KOKURIKULUM DAN MARKAH MERIT

i. Markah Akademik



PNGK yang diperolehi untuk calon: 3.50

$$\begin{aligned} \text{Markah Akademik (90\%)} &= \frac{3.50 \times 90}{4.00} \\ &= 78.75\% \end{aligned}$$

ii. Markah Kokurikulum

- **STPM dan STAM**

Markah kokurikulum 10% akan dibekalkan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian KPM kepada BKPA, JPT.

- **Matrikulasi KPM / PASUM/ ASASIpintar UKM/ Asasi UiTM**

Markah kokurikulum 10% akan diselaraskan oleh institusi masing-masing iaitu Bahagian Matrikulasi KPM, Pusat Asasi Sains UM (PASUM), Pusat GENIUS@Pintar, UKM dan Pusat Asasi UiTM.

iii. Markah Merit



Jika calon mendapat;

Markah Akademik	=	78.75
Markah Kokurikulum	=	9
Markah Merit	=	78.75 + 9
	=	87.75

Markah merit calon adalah **87.75**.